

07/04/2002

Kebenaran dan kerosakan poll timbul

SATU kegemaran Melayu pembangkang sekarang ialah mengadakan poll sementara menantikan pilihan raya umum 2004 yang Pas jangka akan diadakan segera. Pas seolah-olah lebih tahu daripada Perdana Menteri sendiri. Datuk Seri Dr Mahathir sudah jelaskan pembubaran Parlimen lambat lagi. Penggal Parlimen sekarang baru nak sampai separuh.

Minat dan girangnya Melayu pembangkang mengadakan poll iaitu tinjauan pendapat umum (dalam konteks mereka umumnya adalah pembaca Harakah) boleh dipandang daripada beberapa sudut:

Satu: Mengenalkan satu keasyikan terbaru (Melayu amat berahi suatu yang mereka agak baru walaupun bagi bangsa lain, sindrom poll ini kata orang Kelantan, dah loya!)

Kedua: Sesuatu yang agak nakal bak kata Mat Salleh mischievous iaitu satu muslihat yang buruk (atau nakal, terpulung kepada anda); makna mischievous kenakalan dan kenakalan boleh membawa ketawa dan senyum serta juga bahaya dan kerosakan.

Ketiga: Yang amat nahas - memberi mereka tentunya idea dan nafsu besar yang boleh merosakkan diri sendiri dan ketenteraman dalam parti. Saya berada di luar negara apabila poll ini tersiar dan ramai bertanya pendapat saya.

Keempat: Poll yang nakal ini (dan diulang pula) akan memberi ilusi kepada beberapa orang bahawa mereka popular dan justeru mereka mengambil keputusan memulai kempen senyap (sudah pun berjalan lama sebelum poll tetapi lebih tersusun dan ghairah lagi selepasnya) bagi yang menganggap mereka lebih berhak menerima pusaka di Putrajaya.

Banyak lagi sebenarnya tetapi yang terbaru saya dengar sudah ada di antara "calon-calon" ini yang sudah berlagak sebagai bakal PM, Timbalan PM apalagi dengan kemenangan besar di Ketari. Senyum lebar, tersengih-sengih seorang daripadanya langsung bertanya, "Have you read Harakah?" (sudahkah anda baca Harakah?). Saya kata belum. Dia nampak kecewa terus memberi pula kesimpulan keputusan poll itu.

Mengadakan poll atau tinjauan pendapat ada juga baiknya. Kalau dibuat secara profesional dan tidak dirigkan (mengurus poll itu secara menipu). Apapun dalam mana-mana poll margin of error (ruang salah) lazimnya di antara dua hingga lima peratus.

Ada baik juga Harakah buat poll kepopularan dan keberkesanan dua Menteri Besar Pas sebagai tok guru, pemimpin politik dan ketua kerajaan - antara Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Datuk Seri Haji Hadi Awang.

Saya menanti keputusannya dengan hati berdebar. Saya boleh duga hasilnya tetapi ia mesti disahkan poll yang profesional. Lebih baik dan hebat lagi ditambah pula calon-calon yang lain: Siapa yang lebih dipercayai di antara Datuk Fadzil Noor dengan Ustaz Ismail Kamus, Harun Din atau Mohamad Sabu? Seseorang yang menjalankan poll digelar sebagai pollster iaitu seseorang yang "mengukur pendapat umum", terutamanya bagi membuat ramalan tentang keputusan pilihan raya atau rebutan kepimpinan. Lebih kurang seperti ahli nujum (bergantung kepada sesuatu yang tidak saintifik) meramalkan empat nombor ekor! Meramal kuda mana menang dan kalah seperti poll adalah separuh saintifik. Bukan semua yang diwawancara memberi pendapat mereka yang jujur. Itulah kelaziman di Malaysia kecuali mereka sanggup nama mereka dicatat dan disiarkan.

Lagipun dalam kehidupan dan kerjaya seperti dalam larian sukan, yang terpenting bukan permulaan baik (good start) tetapi ialah garis penamat

(finishing line). Contoh kejayaan mereka yang bermula lambat terlalu ramai untuk disenaraikan. Lagipun manusia merancang, Allah SWT yang menentukan. Siapa sangka Tun Ghafar Baba naik ke tahap pencapaiannya kalau tidak kerana kerenah politik bekas TPM 1, Tan Sri Musa Hitam? Musa berseloroh tetapi maknanya mendalam dan satu mesej bagi Abdullah. Kalau Musa tidak seloroh ia bukan Musa. Bukan setakat itu saja kelakarnya mesti ada matlamat. Dia mahu melepaskan Pengerusi Suhakam dan jawatan sebagai Duta Khas Perdana Menteri dengan paluan rebana besar.

Opinion Polling (mengurus tinjauan fikiran orang ramai) adalah suatu yang lazim di Amerika Syarikat semenjak 1824 lagi yang baru disedari Harakah. Poll bermula dalam pilihan raya Presiden Amerika Syarikat tiga penjuruh Adams-Jackson-Crawford pada tahun 1824 yang dimenangi Adams (nama penuhnya John Quincy Adams), anak kepada John Adams, Presiden AS yang kedua selepas George Washington, Presiden Pertama AS. Ibu kota AS, Washington adalah sempena namanya.

Perkataan poll asalnya daripada perkataan lama Inggeris polle maknanya kepala apabila kepala menjadi cara mengira jumlah penduduk. Maka poll kini adalah mengira kepala dan fikiran dalam kepala itu.

Abdullah teruskan kerja, taat kepada ketua, susunkanlah pejabat lebih rapi; disiplinkan pegawai-pegawainya yang menyalahgunakan kuasa dan usir yang terang-terang dan telah menggunakan namanya bagi kepentingan diri dan kroninya.

Jangan ambil kira sangat tetapi jangan pula tidak peduli langsung atas tuduhan tiada karisma dan kredibiliti. Saya percaya Abdullah ada caranya tersendiri buat kerja tetapi ia perlu awasi beberapa pegawai dan orang-orangnya yang kini telah dan sedang mencemar dan mencacatkan namanya. Saya berpendapat Abdullah setakat ini berada dalam kedudukan yang teguh walaupun ada dalam dan luar percubaan hendak merendah, meremeh dan memomoknya.

Saya akan reservekan komen saya tentang Najib. Sekadar mahu panjangkan nasihat seorang bapa saudaranya agar jangan terlalu terjolok dengan pujian dan terlena dengan impian. Hari baru Subuh, nanti selepas Isyak baru mimpi. Lagipun ramai yang mengenali bapanya secara dekat masih hidup. Jangan sampai mereka secara terpaksa terbuka hati untuk membuat perbandingan.

Calon-calon lain "orang luar" kecuali Muhyiddin. Orang Johor dan pemerintah Singapura amat mengenalinya. Masalah kita dengan Singapura berterusan tetapi ia tidak pula (sewajarnya) merosakkan kerjasama seperti kehadiran pasukan tatu polisnya di Stadium Bukit Jalil malam semalam.

Kepada Najib dan Muhyiddin terutamanya, saya berpesan kepada anda berdua, ada secebis sejarah politik Presiden AS. Saya sedar kedua-duanya boleh membeli buku bahkan perpustakaan di mana pun tetapi mungkin tiada kesempatan membaca buku-buku itu. Pada pilihan raya Presiden AS 1948, tahun saya masuk MCKK Darjah Satu B, Harry Truman telah mengalahkan secara mengejut Thomas Dewey walaupun semua poll mengatakan Dewey akan menang. Semoga Abdullah lebih kukuh pendiriannya. Pisau di tangan anda!

Trumanlah yang membuat keputusan menggugurkan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki yang menamatkan Perang Dunia Kedua di Asia.

Di mana pula kawan-kawan saya di Darjah Satu A? Saya amat bersyukur kepada Allah SWT walaupun saya banyak kelemahan, Tuhan juga memberi saya beberapa kekuatan dan keunikan! Syukur alhamdulillah.

dkl@nstp.com.my

(END)